

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Arab Tinggi 2361/2 mengandungi lima soalan :

- Soalan 1 Merupakan soalan wajib dijawab oleh calon. Soalan ini mengandungi 3 bahagian iaitu soalan 1(a), soalan 1(b) dan soalan 1(c).
- Soalan 2 hingga 5 Merupakan soalan pilihan. Calon dikehendaki memilih dua daripada soalan dua hingga soalan lima. Calon diberi masa 1 jam 30 minit untuk menjawab ketiga-tiga soalan tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya majoriti calon dapat menjawab dengan lebih baik soalan 1 yang merupakan soalan kefahaman namun sebahagian besar pula gagal menguasai kaedah Nahu, Nusus dan Balaghah iaitu gagal menjawab dengan betul atau tidak menjawab.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami tugas soalan dengan mengemukakan isi jawapan yang tepat, majoriti calon dapat mengemukakan jawapan dengan teratur, tepat mengikut kaedah nahu dan uslub yang menarik.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami sebahagian tugas soalan dengan mengemukakan sebahagian isi jawapan dengan kaedah nahu yang tidak tepat serta uslub yang kurang menarik.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami sebahagian besar tugas soalan, kaedah nahu yang sangat lemah dan kadang-kala tidak menjawab soalan.

PRESTASI TERPERINCI**Soalan 1 (a)**

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat berdasarkan teks yang diberi tetapi tidak mampu mengubah struktur bahasa selain mengambil daripada teks yang sedia ada. Calon tidak mengemukakan muqadimah kepada isi jawapan disamping kesalahan kaedah nahu.

Soalan 1 (b)

Calon dapat membina soalan dengan kata Istifham yang tepat dan berbagai bentuk dalam jumlah yang banyak. Walau bagaimanapun kata-kata Istifham yang digunakan tidak tepat

dengan isi jawapan yang ada dalam teks. Penggunaan kata Istifham yang tidak bersesuaian serta kaedah nahu yang tidak betul.

Soalan 1 (c)

Calon dapat mengeluarkan isi penting daripada teks dengan tepat, walau bagaimanapun calon tidak mampu mengolah struktur bahasa sendiri.

Soalan 2 (a)

Calon dapat mengemukakan kata antonim yang tepat berdasarkan makna perkataan yang diberikan tetapi calon tidak mempunyai perbendaharaan kata yang banyak. Calon tidak dapat memberikan kata-kata antonim mengikut wazan yang sepatutnya mengikut kaedah bahasa Arab yang betul.

Soalan 2 (b)

Calon dapat membariskan perkataan yang dikehendaki mengikut kaedah nahu dan soraf dengan betul walau bagaimanapun calon sering membiarkan beberapa aksara tanpa baris. Calon tidak meletakkan baris setiap aksara yang ada dalam perkataan yang mesti diletakkan baris.

Soalan 2 (c)

Calon dapat menentukan ayat yang berbentuk Majaz dan Hakikat dengan menuliskan ayat majaz atau hakikat dengan teratur. Walau bagaimana pun sebahagian calon tidak menuliskan ayat atau melabelkan dengan nombor mengikut susunan soalan.

Soalan 2 (d)

Calon dapat menghuraikan maksud ayat Al-Quran walaupun huraian itu tidak memenuhi maksud ayat tersebut. Huraian yang diberikan terlalu ringkas dan kadang kala menyentuh sebahagian ayat atau terkeluar daripada maksud sebenar.

Soalan 3 (a)

Calon mampu mengaplikasikan wazan yang dikehendaki dengan tepat walaupun tidak memahami makna perkataan tersebut. Calon tidak mengubahkan perkataan mengikut wazan yang sebenarnya mengikut kaedah soraf.

Soalan 3 (b)

Calon dapat membina ayat yang sempurna berdasarkan tarkib (susunan) yang diberikan dengan kaedah bahasa yang tepat. Ayat yang dibina tidak sempurna atau terdapat kesalahan tatabahasa dan gaya bahasa yang kurang menarik.

Soalan 3 (c)

Calon dapat mengaplikasikan perkataan dalam bentuk majaz dan hakikat dengan tepat mengikut kaedah Balaghah. Walau bagaimanapun pembinaan ayat dalam bentuk majaz dan hakikat tidak sempurna disamping kesalahan kaedah bahasa Arab.

Soalan 3 (d)

Calon dapat menganalisis dan mengeluarkan maksud daripada hadis dengan jelas dan tepat walaupun tidak mencakupi keseluruhan teks. Analisis dan maksud yang diberikan terlalu ringkas dan kadang kala terkeluar daripada maksud sebenar.

Soalan 4 (a)

Calon dapat mengemukakan kata sinonim yang tepat berdasarkan makna perkataan yang diberikan tetapi sebahagian calon tidak mempunyai perbendaharaan kata yang banyak. Calon tidak dapat memberikan kata sinonim mengikut wazan yang sepatutnya mengikut kaedah bahasa.

Soalan 4 (b)

Calon dapat membina ayat berdasarkan spesifikasi yang diperlukan dengan jelas dan tepat. Ayat yang dibina tidak sempurna dan terdapat kesilapan mengikut kaedah nahu bahasa Arab.

Soalan 4 (c)

Calon dapat membina contoh bagi Majaz Mursal berdasarkan ilaqah yang diberi dengan tepat dan jelas walaupun sebahagian calon tidak dapat membezakan antara ilaqah-ilaqah dalam Majaz dan menyenaraikan contoh yang tidak bertepatan dengan ilaqah-ilaqah yang diberikan.

Soalan 4 (d)

Calon dapat menghuraikan maksud kata hikmat walaupun huraian itu tidak memenuhi maksud keseluruhan kata hikmat tersebut. Huraian yang diberikan terlalu ringkas dan kadang kala terkeluar daripada maksud sebenar.

Soalan 5 (a)

Calon mampu mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai dengan tepat berdasarkan ayat yang diberikan. Calon tidak membina perkataan mengikut wazan yang sebenarnya mengikut kaedah soraf yang betul.

Soalan 5 (b)

Calon dapat mengi'rab (cerakin) perkataan dengan tepat sekalipun tidak pada kesemua perkataan yang disenaraikan. Calon tidak menguasai kaedah l'rab sepenuhnya sehingga mengi'rab perkataan dengan tidak betul mengikut kaedah nahu.

Soalan 5 (c)

Calon dapat mengklasifikasikan jenis kinayah pada contoh yang diberikan dengan tepat. Sebahagian calon tidak menuliskan ayat atau melabelkannya dengan nombor mengikut susunan soalan bagi menjelaskan jenis kinayah yang dimaksudkan.

Soalan 5 (d)

Calon dapat menghuraikan maksud kata perumpamaan walaupun huraian itu tidak memenuhi maksud keseluruhan kata perumpamaan tersebut. Huraian yang diberikan terlalu ringkas atau hanya menyentuh sebahagian sahaja dan kadang-kala terkeluar daripada maksud sebenar.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menguasai semua topik dalam sukatan terutamanya kaedah bahasa, nusus dan balaghah.
2. Memperbanyakan kata muradif (sinonim) dan ad'dad (antonim).
3. Memastikan semua soalan yang dijawab sempurna terutamanya bahagian bariskan dan meni'rab perkataan.
4. Memeriksa jawapan sebelum tamat masa peperiksaan.
5. Menjawab contoh soalan yang lalu.
6. Mengetahui cara menjawab yang betul.

SARANAN KEPADA GURU

1. Berikan pendedahan awal tentang bentuk serta aras soalan bagi setiap topik.
2. Pastikan semua sukatan pelajaran dihabiskan.
3. Banyakkan latihan tubi yang terancang secara topical.
4. Himpunkan kata hikmah dan nas serta huraiannya untuk rujukan calon.
5. Mengesan lebih awal tahap kelemahan calon dan berusaha memperbaikinya.
6. Berikan tumpuan kepada calon yang lemah mengikut kumpulan tertentu atau mengikut topik tertentu.